

SIKAP DALAM AKTIVITI PEMBELAJARAN TERHADAP PENDEKATAN *FLIPPED CLASSROOM* BAGI PENGAJIAN UMUM BERTERASKAN PENDIDIKAN ISLAM DI POLITEKNIK

Siti Zaharah Setapa¹ dan Azmil Hashim²

¹Politeknik Ungku Omar, Malaysia
sitizaharah@puo.edu.my

²Universiti Pendidikan Sultan Idris
azmil@fsk.upsi.edu.my

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana sikap pelajar dalam aktiviti pembelajaran terhadap pendekatan flipped classroom dan melihat hubungan antara sikap pelajar terhadap aktiviti pembelajaran *flipped classroom* dengan pencapaian. Kajian ini menggunakan sepenuhnya soal selidik untuk mengumpul data. Persampelan secara rawak mudah telah dipilih dalam melaksanakan kajian ini terhadap 309 pelajar. Pengkaji menggunakan kaedah deskriptif dan inferensi untuk menganalisis data. Dapatan kajian terhadap sikap responden secara umumnya adalah positif. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa sikap mempunyai hubungan positif yang signifikan terhadap pencapaian pelajar. Implikasi kajian ini ialah sikap memainkan peranan penting dan perlu diberi penekanan untuk mengatasi kelemahan sebelum proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan.

Kata kunci: Hubungan sikap terhadap pencapaian, aktiviti pembelajaran, flipped classroom, Pendidikan Islam

Abstract: This study aims to determine the level of students' attitudes in learning activities towards flipped classroom approach. It also aims to investigate the relationship between students' attitudes in learning activities towards flipped classroom approach and students' achievement. The survey method was used to collect data. A total of 309 students which were chosen randomly for this research. Questionnaires with attitude item were used as instrument to obtain study data statistical descriptive and inferential analysis. The findings of the respondents' attitude are generally positive. Finding showed that the attitude had a significant relationship with the achievement student. The implication of the study was that, attitude and interest play an important role and should be emphasised seriously among a weak before the learning and teaching process is carried out.

Keywords: Attitude relationship toward achievement, Learning activities, Flipped Classroom, Islamic Education

1. Pengenalan

Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21) membawa satu perubahan baru dalam dunia Pendidikan yang menuntut mereka yang terlibat dengan dunia pendidikan berusaha untuk memenuhi tuntutan pendidikan masa kini. Bonk (2009) menyatakan budaya belajar semakin berubah kerana perkembangan teknologi yang semakin pesat telah mengubah corak kandungan dan kolaborasi pengajaran dan pendidikan kepada media elektronik. Fasa perubahan telah mengubah corak dan peranan pensyarah dalam pengajaran dan pembelajaran. Setiap orang bertanggungjawab dalam memikul tugas yang mencabar ini supaya ilmu pengetahuan dapat disampaikan kepada pelajar dengan penuh amanah dan dedikasi. Di samping itu, dapat membantu pelajar dalam meningkatkan prestasi penguasaan dan penghayatan ilmu.

Sehubungan itu, corak pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran merupakan faktor yang boleh menarik minat pelajar. Maka usaha ke arah itu adalah dengan mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang perlu dirancang dengan rapi oleh setiap peringkat termasuk pensyarah. Mereka perlu bijak dalam menyediakan pendekatan yang boleh menarik minat pelajar dan mendorong pelajar untuk terlibat dalam P&P. Menurut Iberahim(2017), pembelajaran teradun merupakan satu kaedah pembelajaran yang dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pelajar dalam kolaborasi melalui teknologi. Ini kerana ia menggabungkan pendekatan P&P secara bersemuka dan aktiviti secara elektronik. Pendekatan *flipped classroom* merupakan satu kaedah pembelajaran teradun yang merupakan sebahagian daripada agenda Pelan Transformasi Politeknik yang dirangka sepanjang tahun 2009 hingga tahun 2020.

Bagi memenuhi hasrat tersebut pendekatan pengajaran Pendidikan Islam perlu diintegrasikan bersesuaian dengan pelajar dan kurikulum. Tambahan pula gaya pembelajaran dan mod pelajar di dalam kelas juga perlu disesuaikan dengan kaedah yang hendak digunakan supaya proses pembelajaran dapat dimaksimumkan (Kadis,2014).

Justeru itu, pendekatan *flipped classroom* sangat sesuai untuk diperkembangkan kerana pendekatan pedagogi ini berpotensi untuk memupuk sikap tanggungjawab pelajar sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran (Overmyer,2012). Sikap positif pelajar yang tinggi untuk belajar akan mempengaruhi pencapaian yang lebih memberangsangkan. Ini ditambah lagi dengan pendekatan aktiviti pembelajaran secara interaktif berasaskan computer yang dilaksanakan samada di dalam kelas atau di luar bilik darjah. Pelaksanaan *flipped classroom* menggunakan pendekatan berpusatkan pelajar dan berpusatkan guru. Menurut Roehl (2013), pelajar diberi ruang untuk melibatkan diri apabila strategi berpusatkan pelajar digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Manakala Bishop (2013) menyatakan pendekatan berpusatkan guru terhasil melalui arahan yang eksplisit oleh guru. Pembelajaran dalam talian sudah jauh lebih popular dalam kalangan pelajar pengajian tinggi. Pedagogi *flipped classroom* sangat sesuai dengan keperluan pembelajaran dalam talian iaitu kandungan kuliah sepenuhnya dalam talian seperti video pendek yang ditonton sebelum kuliah. Kuliah adalah sepenuhnya diisi dengan perbincangan, latihan, projek dan sebagainya.

2. Pernyataan masalah

Senario di politeknik kebanyakan pelajar berdepan dengan masalah sikap pelajar terhadap kursus Pendidikan Islam terutamanya dalam konteks pendidikan yang berteraskan ICT. Hal ini kerana masalah akses kepada ICT masih terhad, kapasiti frekuensi tidak dapat menampung jumlah pengguna yang besar dikampus dan kekurangan bahan pengajaran dan pembelajaran (Idrus, 2010).

Kajian berkaitan sikap dalam pembelajaran terhadap Pendidikan Islam menunjukkan dapatan yang tidak selari. Berdasarkan kajian Airii (2003) sikap pelajar didapati kurang memuaskan terhadap Pendidikan Islam iaitu ($\text{min}=2.71$). Kajian Zakaria (2004) menunjukkan sikap kurang memuaskan kerana hanya 5.5% pelajar mengatakan mereka belajar Pendidikan Islam ini kerana disebabkan mata pelajaran yang wajib dan terpaksa bukan dengan sepenuh hati belajar.

Berdasarkan tinjauan pengkaji, kajian tentang sikap telah banyak dikaji terutama diperingkat sekolah. Namun kajian sikap di politeknik terutamanya berkaitan dengan pendekatan *flipped classroom* tidak banyak dikaji khususnya berkaitan bidang Pendidikan Islam. Oleh itu, kajian dalam topik ini dirasakan perlu untuk melihat hubungan antara pembolehubah yang dikaji.

2.1 Tujuan kajian

Kajian ini secara umumnya adalah untuk mengenalpasti sikap pelajar dalam aktiviti pembelajaran terhadap pendekatan *flipped classroom* bagi kursus umum berteraskan Pendidikan Islam di politeknik.

2.2 Persoalan kajian

- i. Apakah tahap sikap pelajar dalam aktiviti pembelajaran terhadap pendekatan *flipped classroom*?
- ii. Adakah terdapat hubungan sikap pelajar dalam aktiviti pembelajaran terhadap pendekatan *flipped classroom* dengan pencapaian pelajar bagi Kursus Umum berteraskan Pendidikan Islam?

3. Metodologi kajian

Kajian ini menggunakan kajian tinjauan. Ini kerana kaedah ini sesuai digunakan dalam bidang sosial untuk mengetahui sikap, kepercayaan, nilai, demografi, tingkah laku, pendapat, keinginan dan lain-lain maklumat berkaitan dengan sekumpulan orang (Idris, 2013). Tambahnya lagi, ia berguna untuk mengumpulkan maklumat yang berkaitan dengan kejadian atau peristiwa yang tidak dapat diperhatikan secara langsung. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan instrument soal selidik untuk pengumpulan data. Set soal selidik yang digunakan mengandungi 3 bahagian iaitu bahagian demografi (jantina, bidang pengajian, pencapaian pelajar, bahagian item atau konstruk yang berkaitan sikap pelajar terhadap aktiviti yang disediakan melalui pendekatan *flipped*

classroom. Instrumen ini bertujuan untuk melihat hubungan antara sikap pelajar yang membawa kesan terhadap peningkatan pencapaian dengan menggunakan pendekatan pembelajaran secara *flipped classroom*.

4. Dapatan kajian

Bahagian ini memaparkan hasil analisis data kajian yang meliputi latar belakang responden (demografi) serta dapatan kajian yang berdasarkan persoalan kajian iaitu tahap sikap pelajar dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran terhadap pendekatan *flipped classroom*.

a. Analisis Demografi

Dalam bahagian A ini, soal selidik dilakukan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan profil responden dengan menggunakan analisis kekerapan dan peratusan. Jadual 1-3 menunjukkan gambaran latar belakang responden kajian yang melibatkan jantina, bidang pengajian, pencapaian dalam kursus. Demografi kajian dipaparkan secara terperinci seperti jadual berikut:

Jadual 1: Taburan responden berdasarkan jantina

Jantina	Kekerapan	Peratusan
Lelaki	150	48.5%
Perempuan	159	51.5%
Jumlah	309	100%

Jadual 1 menunjukkan taburan responden berdasarkan jantina. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar perempuan lebih ramai dalam kajian ini iaitu seramai 159 orang bersamaan 51.1%. Manakala responden pelajar lelaki sebanyak 48.5% bersamaan dengan 150 pelajar. Oleh yang demikian, data menunjukkan peserta kajian perempuan lebih 2.6% dari peserta kajian lelaki.

Jadual 2: Taburan responden berdasarkan bidang pengajian

Bidang pengajian	Kekerapan	Peratusan
Kejuruteraan Awam	49	15.9%
Kejuruteraan Elektrik	61	19.7%
Kejuruteraan Mekanikal	52	16.8%
Perdagangan	65	21.0%
Kejuruteraan teknologi maklumat dan komunikasi	82	26.5%
Jumlah	309	100.0%

Jadual 2 menunjukkan taburan responden berdasarkan bidang pengajian. Kebanyakan responden dalam bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi iaitu sebanyak 26.5%, diikuti dengan Perdagangan (21.0%). Seterusnya, Kejuruteraan Elektrik (19.7%), Kejuruteraan Mekanikal (16.8%) dan Kejuruteraan Awam (15.9%). Responden bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi paling ramai terlibat dengan kajian kerana pelajar kebanyakan terlibat dengan pembelajaran berbantuan komputer atau makmal.

Jadual 3: Taburan responden berdasarkan pencapaian pelajar dalam kursus

	Gred	Kekerapan	Peratusan
Pencapaian Pelajar Dalam Kursus	Sangat Cemerlang (A+)	24	7.8%
	Cemerlang (A)	148	47.9%
	Kepujian (A-, B+ dan B)	128	41.4%
	Lulus (B-, CT, C, dan D)	9	2.9%
	Jumlah	309	100%

Jadual 3 menunjukkan taburan responden berdasarkan pencapaian dalam kursus. Dapatan kajian menunjukkan responden seramai 24 orang telah mendapat gred A+ iaitu sebanyak 7.8%. Manakala responden yang memperoleh gred A iaitu seramai 148 orang (47.9%), gred (A-, B+, dan B) iaitu seramai 128 orang (41.4%). Selaian itu terdapat juga responden yang mendapat gred (B-, C+, C, D+ dan D) sebanyak 2.9% bersamaan dengan 9 orang pelajar.

b. Tahap sikap pelajar dalam aktiviti pembelajaran terhadap pendekatan *flipped classroom* bagi kursus pengajian umum berteraskan Pendidikan Islam.

Dalam bahagian B soal selidik terdapat 15 item yang mewakili konstruk sikap pelajar dalam aktiviti pembelajaran terhadap pendekatan *Flipped classroom*. Item ini dianalisis secara deskriptif yang melibatkan kekerapan, min, dan sisihan piawai dijalankan bagi menentukan sikap pelajar dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran terhadap pendekatan *flipped classroom*. Jadual 4 menunjukkan analisis data bagi melihat sikap pelajar terhadap pendekatan pembelajaran *flipped classroom* bagi kursus baharu Pendidikan Islam. Tahap sikap pelajar dapat dilihat pada setiap pernyataan item di mana setiap item mempunyai skor pada skala yang dinyatakan.

SP-Sisihan Piawai

Jadual 4 kajian menunjukkan pelajar mempunyai sikap yang positif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran terhadap pendekatan *flipped classroom*. Kajian menunjukkan terdapat 13 item mencapai skor min yang tinggi dengan nilai (min= 3.83) ke atas. Di dapati bahawa min yang tertinggi adalah melalui perbincangan (min=4.06, sp=0.854), pelaksanaan aktiviti yang pelbagai (min=4.06, sp=0.872) dan tempoh masa yang ditetapkan untuk menyiapkan kursus (min=4.06, sp=0.827).

Walau bagaimanapun terdapat dua item sikap menunjukkan tahap rendah iaitu merasa putus asa apabila menghadapi masalah dalam aktiviti pembelajaran terhadap pendekatan *flipped classroom* yang diberikan penerangan dengan nilai skor (min=2.93, sp=1.25) dan berkaitan dengan kebimbangan ketinggalan dalam mengikuti aktiviti bersama ahli kumpulan dengan nilai skor (min=2.23, sp=1.04). Namun kebimbangan dan perasaan putus asa tersebut merupakan sikap emosi yang dizahirkan oleh responden secara positif yang akan mendorong suatu refleksi yang baik terhadap proses pelaksanaan aktiviti. Secara keseluruhan responden dalam kajian ini mempunyai tahap sikap yang tinggi dalam aktiviti pembelajaran terhadap pendekatan *flipped classroom* dengan nilai (min=3.80) dan sisihan piawai (0.596).

Jadual.1: Kekekapan dan Peratusan Respon Terhadap Sikap Pelajar Dalam Aktiviti Pembelajaran Terhadap Pendekatan *Flipped Classroom*

Sikap Pelajar	Min	SP
Meningkatkan pengetahuan berkaitan dengan kursus yang diajar.	4.01	.860
Meneroka maklumat sebelum pembelajaran bermula berdasarkan bahan aktiviti yang disediakan di e-pembelajaran.	3.83	.882
Mengaplikasikan pembelajaran di dalam kelas	3.98	.825
Menggabungkan maklumat dengan baik melalui perbincangan	4.06	.854
Menyokong pensyarah melaksanakan aktiviti pelbagai untuk meningkatkan pencapaian.	4.06	.872
Melibatkan diri secara aktif di dalam kelas melalui aktiviti pembelajaran.	3.96	.813
Menjalankan aktiviti bersama rakan berpandukan arahan yang diberikan di dalam e-pembelajaran.	3.95	.846
Memberi respon yang aktif secara atas talian.	3.87	.862
Menggabungkan pembelajaran dengan pengalaman sendiri.	4.0	.832
Mengubahsuai maklumat baru dengan idea sendiri.	3.96	.813
Menyiapkan tugas kursus ini dalam masa yang ditetapkan	4.06	.827
Menunjukkan kebimbangan apabila ketinggalan dalam mengikuti aktiviti bersama ahli kumpulan.	2.23	1.041
Merasa putus asa apabila menghadapi masalah dalam aktiviti pembelajaran yang diberikan oleh pensyarah.	2.93	1.250
Merujuk sumber tambahan dalam e-pembelajaran dari pensyarah untuk menambahkan pengetahuan tentang isi pelajaran.	4.05	.862
Memberikan maklum balas ketika aktiviti perbincangan di dalam kelas.	3.97	.873
Jumlah	3.80	.596

c. Hubungan Sikap Pelajar Dalam Aktiviti Pembelajaran Terhadap Pendekatan Flipped Classroom Terhadap Pencapaian

Analisis ujian korelasi dijalankan bagi melihat hubungan sikap dalam aktiviti pembelajaran terhadap pendekatan flipped classroom terhadap pencapaian pelajar dalam kursus. Hasil analisis ini dapat dilihat dalam jadual 5 berikut:

Jadual 5: Ujian Korelasi Spearman hubungan sikap dalam aktiviti pembelajaran terhadap pendekatan flipped classroom terhadap pencapaian

	Pencapaian Pelajar Dalam Kursus	
	<i>r</i>	<i>p</i>
Sikap Pelajar dalam aktiviti pembelajaran terhadap pendekatan <i>flipped classroom</i>	.191	.001

*Nilai alpha 0.01

Hasil ujian korelasi dalam jadual 5 menunjukkan sikap pelajar dalam aktiviti pembelajaran terhadap pendekatan *flipped classroom* terdapat hubungan yang signifikan tetapi lemah dengan pencapaian kursus ($r=.191$, $p>0.01$). Dapatan ini menunjukkan bahawa sikap pelajar mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian namun kekuatan korelasi tersebut adalah pada tahap yang lemah.

5. Perbincangan dan kesimpulan

Hasil dapatan yang telah dianalisis menunjukkan tahap sikap pelajar dalam aktiviti pembelajaran terhadap pendekatan *flipped classroom* adalah tinggi. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat item yang menyokong pensyarah melaksanakan aktiviti pembelajaran terhadap pendekatan flipped classroom yang pelbagai untuk meningkatkan pencapaian pelajar dalam kursus yang diajar. Ini menunjukkan pelajar berpandangan positif dalam menyatakan bahawa kaedah ini sangat relevan dalam meningkatkan pembelajaran mereka. Ini kerana konsep aktiviti pembelajaran secara *flipped classroom* menggalakkan pelajar menggabungkan maklumat secara berkolaboratif melalui perbincangan kumpulan. Kajian ini selari dengan dapatan kajian Stone (2016) yang menunjukkan bahawa pelajar positif dalam pelaksanaan *flipped classroom* kerana kaedah kerja rumah dan kuiz yang disediakan memberikan motivasi dan kesan kepada penglibatan dan pencapaian mereka. Walaupun masih terdapat pelajar yang merasa terbeban dengan kerja rumah yang diberikan. Hal ini kerana mereka telah bersedia dengan maklumat-maklumat yang telah disediakan oleh pensyarah dalam e-pembelajaran dan menjadikan mereka lebih bersedia dengan semua aktiviti di dalam kelas bersama rakan.

Walau bagaimana pun terdapat dua item yang berada pada tahap sederhana, iaitu melibatkan perasaan dan emosi pelajar tentang kebimbangan dan perasaan putus asa sekiranya tidak dapat melaksanakan aktiviti yang diberikan oleh pensyarah. Respon ini menunjukkan sesuatu yang

positif kerana sikap kebimbangan dan putus asa tersebut akan mendorong perubahan sikap psikomotor untuk bertindak mencari penyelesaian. Dorongan daripada perasaan tersebut membawa pelajar untuk lebih aktif mendapatkan maklumat dan merujuk sumber tambahan untuk menambahkan pengetahuan tentang isi pelajaran. Hal ini dapat dilihat melalui nilai peratusan keputusan yang tinggi bagi pelajar mendapat cemerlang. Walaupun signifikan antara sikap dan pencapaian lemah tetapi pelajar menunjukkan sikap yang positif apabila memperolehi keputusan yang cemerlang dalam kursus.

Secara kesimpulannya, dapatan kajian ini telah mencapai objektif dan menjawab persoalan kajian. Di samping itu, keberhasilan pelaksanaan sesuatu sistem juga bergantung kepada keupayaan institusi menyediakan sumber yang baik. Kajian ini merupakan satu usaha untuk meningkatkan kualiti politeknik sebagai Institusi Pengajian Tinggi bagi melahirkan modal insan berkemahiran tinggi dan holistik dalam usaha menjayakan agenda transformasi pendidikan yang berlandaskan inovasi dan kreativiti. Pihak politeknik boleh meneroka ruang jalinan kerjasama kolaborasi dengan politeknik lain dan institusi pendidikan awam yang lain dengan yang menekankan pendekatan pembelajaran abad-21 sebagai keperluan pendidikan pada masa kini.

Rujukan

- Airi Abu Bakar. 2003. Sikap Pelajar terhadap Mata pelajaran Pendidikan Islam: Satu Kajian di Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Alor Gajah Melaka. Kertas Kerja Projek Sarjana Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bishop, J. (2013). The flipped Classroom: A survey of the research. *In ASEE National Conference Proceedings. Vol.30, No 9*. Atlanta: GA.
- Bonk, C. J. (2009). *The world is open: How web technology is revolutionizing education* (pp. 3371-3380). Association for the Advancement of Computing in Education (AACE).
- Iberahim, A. R., Mahamod, Z., & Mohammad, W. M. R. W. (2017). (2017). Pembelajaran Abad ke 21 dan Pengaruhnya terhadap Sikap, Motivasi dan Pencapaian Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM*, 7(2), 77-88
- Idris, N. (2013). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Malaysia: Mc Graw Hill.
- Idrus, W., & Buntat, Y. (2010). Aplikasi 'E-Learning' Dalam Pengajaran & Pembelajaran Di Sekolah-Sekolah Malaysia: Isu Dan Cadangan Perlaksanaannya. *Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*.
- Kadis, M. A. M., Z. T. (2014). Pembelajaran Berkonsepkan Flipped Menerusi aktiviti Pembelajaran Berasaskan Projek.

Overmyer, J., 2012, Flipped classrooms 101, Principal, Hal 46-47.

Roehl, A., Reddy, S. L., & Shannon, G. J. (2013). The flipped classroom: An opportunity to engage millennial students through active learning strategies. *Journal of Family & Consumer Sciences*, 105(2), 44-49.

Stone, B. B. (2012). Flip your classroom to increase active learning and student engagement. In *Proceedings from 28th Annual Conference on Distance Teaching & Learning, Madison, Wisconsin, USA*.

Zakaria, Z. (2004). *Penerimaan dan penghayatan pelajar terhadap matapelajaran pendidikan Islam: satu kajian di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di daerah Kota Setar, Kedah* (Doctoral dissertation, Master Thesis. UKM).